

DIALOG TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50D) PU LABUAN



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2464-dialog-transformasi-nasional-2050-tn50d-pu-labuan

LABUAN, 21 Sep 17 – Pangkalan Udara Labuan telah melaksanakan Program Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) peringkat pangkalan bertempat di Dewan Banquet, Wisma Perwira Pangkalan Udara Labuan yang dihadiri oleh para pegawai dan anggota LLP dari MAWILUD 2 dan PU Labuan.

Program TN50D peringkat pangkalan ini telah dimulakan dengan sesi pengenalan program yang disampaikan oleh Pegawai Laksana Pangkalan iaitu Lt Kol Mohamad Zulhilmi bin Hj Ahmad TUDM selaku Moderator, Panglima Wilayah Udara 2, YBhg Mej Jen Dato' Hj Mohd Shabre bin Hj Hussein TUDM sebagai ahli panel 1 dan Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Dato' Sardon bin Hassan TUDM sebagai ahli panel 2.

Disepanjang sesi dialog berlangsung, Pegawai dan anggota LLP PU Labuan serta MAWILUD 2 telah mengutarakan beberapa aspirasi bagi mendokong TN50D.



